

UCAPAN OLEH: DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: DEWAN SERI NEGERI, KOMPLEKS SERI NEGERI AYER KEROH, MELAKA

TARIKH: 16 MAY 2001

MASA:

" MEMARTABATKAN PROFESION KEGURUAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA "

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya kita berkesempatan untuk berada di sini dalam suasana yang ceria dan harmonis bagi meraikan sambutan Hari Guru 2001. Beradanya kita bersama pada hari yang bersejarah ini menunjukkan warga pendidik di tanah air bersatu ke arah memartabatkan profesion perguruan. Di samping itu majlis pada hari ini adalah sebagai tanda penghormatan terhadap jasa serta sumbangan para pendidik di seluruh tanah air.

2. Terlebih dahulu saya mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga pendidik seluruh tanah air, di mana juga mereka berada. Hari ini, 16 Mei, merupakan hari paling istimewa bagi masyarakat pendidik. Setiap tahun pada tarikh ini, Hari Guru diraikan bersama-sama oleh semua warga pendidikan dan pelajar di peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah. Pelbagai acara dijalankan bagi memenuhi program Sambutan Hari Guru.

3. Sambutan pada tahun ini akan lebih bermakna sekiranya semua pihak, dari pelbagai peringkat, terus memberi sokongan kepada profesion keguruan, sesuai dengan tema Hari Guru tahun ini, iaitu "Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama". Justeru, semua agensi yang berkaitan dengan pendidikan perlu memainkan peranan mengikut bidang kuasa masing-masing bagi memastikan profesion keguruan terus dimuliakan dan dapat menyumbang sepenuhnya kepada pembangunan negara dan kesejahteraan masyarakat Malaysia seluruhnya.

4. Kita sekarang memilih perkataan 'pendidikan' bagi mengganti pelajaran. Ini adalah oleh kerana guru bukan sahaja bertanggungjawab membekalkan murid dengan ilmu pengetahuan tetapi juga dengan pembentukan peribadi yang mulia yang sesuai dengan kejayaan di dunia dan membuat bekalan untuk akhirat. Tugas ini biasanya dilaksanakan oleh guru tanpa latihan yang formal kerana dipercayai guru tentulah tahu akan apakah ianya peribadi yang mulia. Tetapi hari ini guru tidak mendapat panduan yang cukup daripada budaya masyarakat

yang kerana sebab-sebab tertentu sudah menjadi begitu terkeliru dan tidak tentu arah.

5. Umpamanya dahulu kita semua percaya bahawa kita perlu balas budi dan berterima kasih apabila kita menerima sesuatu. Pantun Melayu berbunyi:

Pulau Pandan jauh ke tengah;  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah;  
Budi yang baik dikenang juga.

6. Hari ini pendapat disebar bahawa kita tidak perlu terhutang budi dan tidak perlu berterima kasih pun. Apa yang kita terima memang pun hak kita. Memadailah jika kita bersyukur (iaitu berterima kasih) kepada Allah s.w.t. Kita tidak perlu berterima kasih kepada mereka yang menyampai sesuatu kepada kita. Sudah tentu kita tidak perlu mengenang budi.

7. Pendapat ini menimbulkan kekeliruan dalam masyarakat, termasuklah di kalangan guru dan bakal guru. Dengan itu guru tidak dapat menyemai nilai seperti mengenang budi dan berterima kasih kepada murid dan pelajar yang akan menjadi anggota masyarakat dewasa kemudian. Mungkin yang akan disemai ialah sebaliknya.

8. Apakah akan jadi kepada masyarakat yang tidak tahu berterima kasih, tidak tahu mengenang budi? Sudah tentu dalam masyarakat tidak akan ada tolong-menolong, kerana bukan sahaja terima kasih tidak akan diucapkan tetapi jika pihak yang menolong perlu kepada pertolongan, yang telah menikmati pertolongannya tidak akan membalas budi. Masyarakat seperti ini tidak mungkin aman, tidak akan ada hubungan yang baik antara anggotanya, tidak akan ada sikap tolong-menolong, bantu-membantu apabila malapetaka berlaku. Masing-masing akan mengutamakan kepentingan diri sendiri sahaja. Rasuah akan berleluasa kerana rasuah mengutamakan kepentingan diri. Tidak ada urusan yang boleh dibuat tanpa menghulur rasuah.

9. Dalam keadaan kekeliruan yang terdapat sekarang guru sebagai pendidik yang terlatih boleh menjelaskan nilai mana yang patut dipegang supaya masyarakat yang bahagia dapat didirikan. Demikian jugalah dengan nilai-nilai lain yang boleh membentuk peribadi yang mulia di kalangan generasi yang akan datang. Dengan peribadi yang mulia seperti ini maka ilmu yang dipelajari dapat digunakan dengan baik oleh generasi yang menyusul dan sekaligus bangsa yang berjaya dan bertamadun tinggi dapat didirikan. Secara langsung dan tidak langsung gurulah yang menentukan masa depan bangsa dan negara. Jika hari ini kita telah mencapai kemajuan yang luar biasa dan cemerlang guru berhak berpuas hati dengan sumbangan mereka kepada kecapaian ini.

10. Tema hari guru pada tahun ini adalah "Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama". Sejak pembelajaran berkembang sehingga semua kanak-kanak berpeluang berpelajaran, jumlah guru telah meningkat dengan tingginya. Tetapi ekonomi negara yang maju telah mewujudkan begitu banyak peluang pekerjaan sehingga mereka yang berkelayakan berpeluang memilih berbagai-bagai jenis pekerjaan selain daripada perguruan. Dengan ini terdapat kadang-kadang calon yang kurang sesuai memilih untuk menjadi guru. Ini mengurangkan sedikit martabat profesion perguruan dalam pandangan masyarakat.

11. Namun demikian martabat profesion perguruan boleh ditingkatkan dengan usaha bersama oleh semua pihak. Kerajaan sudah tentu akan berusaha, tetapi ibu bapa dan masyarakat umum juga perlu membantu dalam proses pemulihan ini. Kepercayaan hendaklah diberi kepada guru, terutama dalam usaha membentuk peribadi yang mulia di kalangan murid, iaitu dalam mendidik anak-anak kita, warga dewasa akan datang.

12. Apabila kita merdeka kita gembira kerana pentadbiran negara kembali ke tangan kita. Dengan itu kita dapat menentukan anak kita bukan sahaja mendapat pelajaran sehingga ke peringkat tertinggi tetapi juga budaya mereka akan diasuh sehingga lebih sesuai dengan kejayaan dan ketahanan negara.

13. Buat beberapa lama kita berjaya dalam usaha ini. Sebab itu rakyat pasca-Merdeka lebih berilmu dan lebih berjaya dari sebelum merdeka. Sekarang ini kita sudah mula melihat perkara-perkara yang kurang menyenangkan muncul dalam sekolah dan institusi pendidikan kerana pengaruh-pengaruh yang negatif telah meresap di kalangan sesetengah guru. Mereka membelakangkan agenda negara kerana terpengaruh dengan agenda lain. Sikap mereka dipengaruhi dengan dakwaan bahawa Kerajaan yang memerintah tidak sempurna perjalanannya dan bagi guru yang beragama Islam, dakwaan bahawa Kerajaan ini tidak Islam.

14. Dalam sistem pentadbiran demokratik berparlimen jentera Kerajaan perlu bersikap profesional - iaitu menjalan dan melaksanakan segala arahan dan dasar Kerajaan pilihan rakyat semasa menjalankan tugas tanpa menyalahguna kedudukan kerana sebab-sebab lain. Jika jentera Kerajaan tidak bersikap profesional maka semua Kerajaan akan gagal dan negara tidak akan dapat ditadbir dengan sempurna. Kerajaan yang lain apabila dipilih akan menghadapi masalah yang sama, iaitu tidak mendapat kesetiaan sepenuhnya daripada jentera pentadbiran. Yang akan menjadi mangsa adalah rakyat dan negara; dan guru juga akan menerima padahnya kerana mereka juga rakyat.

15. Sementara anggota pentadbiran boleh memiliki

pandangan yang berlainan daripada Kerajaan semasa tetapi di waktu menjalankan tugas, pandangan yang berlainan ini tidak harus mempengaruhi kerja yang dipertanggungjawabkan.

16. Demikian juga mereka yang menyokong dasar dan arahan Kerajaan semasa perlu menjalankan dasar dan arahan Kerajaan baru jika ini menjadi pilihan rakyat. Dengan ini walaupun Kerajaan dan dasar-dasar bertukar, pentadbir dan guru juga dapat menyumbang dengan baik kepada pentadbiran negara.

17. Pendapat bahawa Kerajaan ini tidak Islam dan tidak mengutamakan ajaran Islam tidak harus timbul. Semua pelajaran yang diajar dalam sekolah dan universiti adalah ilmu yang berkait rapat dan diperlukan, bahkan diwajibkan oleh agama Islam. Semua ilmu ini diperlukan untuk memaju, mempertahankan dan menyelamatkan umat Islam. Kerana umat Islam mengabaikan ilmu-ilmu inilah yang hari ini orang Islam mudah ditindas dan dibunuh oleh musuh-musuh Islam. Tuduhan bahawa Kerajaan terlalu mengutamakan dunia adalah fitnah yang harus ditolak oleh semua pihak kerana ia tidak benar. Sebaliknya mereka yang menolak dunia sehingga orang Islam tidak dapat hidup sempurna, bahkan tidak dapat beribadat, mereka sebenarnya mengkhianati Islam dan umat Islam. Islam mewajibkan kita mengimbangi di antara dunia dengan akhirat.

18. Perkara-perkara seperti ini perlu diberi perhatian oleh guru-guru supaya sumbangan guru terhadap pembangunan rakyat masa depan menjadi lebih berkesan dan positif. Masyarakat pula perlu membantu guru dalam usaha ini dan tidak harus memperalatkan guru untuk kepentingan tertentu.

19. Salah satu usaha yang jitu dan mantap untuk memartabatkan profesion perguruan ialah dengan mewujudkan 'Functional Intellectual Community'. Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, setiap tahun Kerajaan memperluaskan peluang pendidikan pasca ijazah kepada para guru dan warga pendidik di Kementerian Pendidikan supaya mereka menambahkan ilmu pengetahuan serta melibatkan diri di dalam wacana keilmuan di peringkat yang lebih tinggi. Adalah diharapkan dengan penglibatan tersebut para guru dan warga pendidik di Kementerian Pendidikan akan menjadi insan yang berhemah tinggi, berfikiran waras, dapat mengemukakan idea yang bernas dan menyumbang ke arah menjadi warga dunia yang berketrampilan di abad ke-21 ini. 'Functioning Intellectual Community' menjadi lemah apabila negara kita dilanda pelbagai ancaman luaran hasil daripada neo-kolonialisme Barat dan pengaruh dunia tanpa sempadan yang sedang diusahakan.

20. Saya percaya bahawa semua warga pendidik terdiri daripada kalangan intelektual. Warga pendidik yang

peka dan prihatin dapat mengasuh dan menyemai kualiti-kualiti yang boleh memberi keupayaan kepada rakyat mempertimbangkan di antara yang baik dengan yang buruk. Ini menjadi penting kerana selain daripada pengaruh dalaman, hari ini terdapat kekeliruan yang disebabkan peralihan nilai-nilai yang diterimapakai oleh manusia sejagat. Umpamanya jika dahulu kesetiaan kepada bangsa dan negara, iaitu patriotisme tidak dipersoalkan, hari ini pendapat bahawa bekerjasama dengan orang asing untuk memburukkan negara adalah satu usaha yang baik dan kononnya mencerminkan kesetiaan kepada negara. Jika pendapat seperti ini diterima maka penderhakaan akan menjadi mulia. Dan ini akan mendedahkan negara kepada penguasaan atau dominasi oleh bangsa asing.

21. Untuk menentukan masyarakat dan rakyat menyumbang kepada pembangunan negara, keupayaan berfikir dan menilai di antara yang baik dengan yang buruk amatlah penting. Sudah tentu guru perlu memiliki kebolehan ini supaya dapat disemai dan dikembangkan di kalangan murid yang akan menjadi warganegara dan pemimpin masa depan.

22. Malaysia memerlukan tenaga kerja jenis baru, iaitu apa yang dikenali sebagai 'knowledge workers' atau pekerja yang menggunakan ilmu sebagai asas kerjanya, dan bukan kecekapan tangan semata-mata. Maklumat yang banyak berkenaan tiap kerja memberi peluang untuk memilih cara yang terbaik supaya hasil kerjanya menjadi lebih tinggi daripada segi kualiti dan rendah daripada segi kos. Pengetahuan berkenaan keupayaan komputer dan data boleh mempercepatkan proses, menjadikannya lebih tepat (precise) dan bebas daripada kecacatan. Untuk mengadakan pekerja yang berpengetahuan dan cekap mengguna komputer maka guru sendiri mestilah sanggup melengkapkan diri dengan kemahiran ini. Latihan dan latihan semula berkali-kali perlu diterima oleh guru kerana teknologi baru ini kerap diperbaharui dan dipertingkatkan. Mereka yang melayakkan diri sepanjang masa akan mendapat pulangan yang juga bertambah baik.

23. Guru juga perlu menjadi penggerak masyarakat ke arah peningkatan budaya membaca. Ini menjadi lebih penting kerana akses kita kepada ilmu dipermudahkan melalui Internet. Jika kita kurang membaca, maka tentulah kita akan kekurangan ilmu untuk menangani masalah hidup dan memilih di antara pendekatan yang terbaik dalam kerja-kerja kita. Jika rakyat Malaysia kurang membaca, maka daya saing kita tetap akan tergugat. Dalam dunia globalisasi kelemahan daripada segi ilmu pengetahuan tetap akan meletakkan kita di bawah telunjuk orang - iaitu kita akan dijajah semula.

24. Adakalanya prestasi masyarakat tidak begitu menyenangkan. Jika dikaji biasanya prestasi kurang baik ini disebabkan oleh amalan dan pegangan kepada nilai-nilai hidup yang tidak baik. Untuk memperbaiki pencapaian dan memulihkan prestasi masyarakat,

perubahan perlu dibuat kepada sikap dan budaya masyarakat berkenaan.

25. Di Malaysia terdapat penduduk pelbagai kaum. Yang malang dan menyedihkan ialah prestasi kaum-kaum ini tidak sama. Ada yang berjaya dan ada yang tidak. Jika prestasi kaum-kaum hendak ditingkatkan maka adalah penting sifat dan sikap yang tidak membina yang ada pada kaum yang terkebelakang hendaklah dikikis. Sikap dan budaya yang membina perlu dikenalpasti dan guru-guru berperanan penting untuk menukar yang buruk kepada yang baik.

26. Untuk melakukan ini guru yang bertanggungjawab terpaksa menghadapi banyak fitnah dan tohmahan. Mereka akan dituduh mengutamakan dunia lebih dari akhirat walaupun agama Islam jelas menghendaki umat Islam mengimbangkan dunia dengan akhirat. Balasan di akhirat datang daripada apa yang dilakukan di dunia. Jika kerana mengabaikan tanggungjawab di dunia umat Islam menjadi lemah dan ditindas, maka tempat mereka di akhirat belum tentu syurga.

27. Sebenarnya agama Islam adalah benteng yang kukuh bagi mempertahankan orang Islam daripada segala amalan yang buruk di dunia. Sepatutnya orang Islam bersih daripada jenayah dan amalan-amalan yang tidak baik semasa hidup di dunia. Kita amat sedih kerana di Malaysia lebih ramai belia Islam yang terlibat dengan budaya lepak, penyalahgunaan dadah, perbuatan sumbang, AIDS dan HIV, ponteng sekolah dan amalan-amalan lain yang tidak baik berbanding dengan orang bukan Islam. Sudah tentu prestasi yang tidak baik di kalangan agak ramai orang Islam bukan disebabkan oleh agama Islam. Ia disebabkan oleh lemahnya pegangan kepada ajaran Islam atau berpegang kepada ajaran yang keIslamannya disangsi. Kita lihat bagaimana orang Islam mengetepikan ajaran Islam dan tidak ramai yang menegur mereka ini. Sebaliknya teguran dibuat berkenaan dengan perkara yang bukan pokok dalam ajaran Islam kerana mengutamakan kepentingan lain. Akibatnya ialah perkara-perkara yang buruk terus berleluasa di kalangan orang Melayu di negara ini.

28. Kita tidak hendak meletakkan segala-galanya di bahu guru. Tetapi dalam tradisi perguruan tanggungjawab membekal ilmu dan membentuk peribadi individu yang mulia banyak diserahkan kepada guru. Hanya untuk menyemai nilai-nilai yang murni pun bukanlah sesuatu yang mudah. Tetapi untuk secara sengaja memperbetulkan yang salah dan memupuk yang baik adalah jauh lebih berat. Tidaklah adil jika tanggungjawab ini dibebankan ke atas guru sahaja. Ibu bapa dan masyarakat umumnya perlu memainkan peranan yang lebih besar daripada yang terdapat sekarang. Tetapi di bahu guru jugalah terletak tanggungjawab sebagai pendidik untuk generasi yang akan datang menjadi lebih teguh

iman, lebih cekal dan lebih mampu menangani dunia yang semakin mencabar.

29. Saya yakin masyarakat guru di Malaysia mempunyai cukup kebolehan untuk menanggung kedua-dua beban ini, iaitu melengkapkan generasi akan datang dengan secukup ilmu dunia dan akhirat dan membentuk peribadi yang mulia yang mampu menangani cabaran-cabaran hidup dalam dunia tanpa sempadan. Janganlah sesiapa cuba memutarbelitkan kenyataan saya ini kerana ia adalah satu pengkhianatan kepada agama, bangsa dan negara.

30. Akhir sekali, saya menyeru para guru supaya menyediakan diri dan bersedia melakukan perubahan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Perteingkatkanlah segala usaha demi bangsa, agama dan negara. Saya berdoa semoga perayaan hari guru tahun ini akan mengeratkan lagi silaturahmi dan hubungan baik di kalangan guru dan masyarakat keseluruhannya.

31. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Sambutan Hari Guru Tahun 2001.